



31 Mac 2017  
31 March 2017  
P.U. (A) 102

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI EKSPORT) 2017

*CUSTOMS (PROHIBITION OF EXPORTS) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA KASTAM 1967

### PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI EKSPORT) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2017.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2017.

#### **Jadual Pertama**

##### **Larangan mutlak**

2. (1) Pengeksportan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama ke destinasi yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dilarang secara mutlak.

(2) Subperenggan (1) hendaklah juga terpakai bagi barang-barang dalam transit.

#### **Jadual Kedua**

##### **Larangan bersyarat kecuali di bawah lesen eksport**

3. Pengeksportan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Jadual Kedua dilarang, kecuali di bawah suatu lesen eksport—

(a) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah;

(b) yang dikeluarkan oleh pegawai kastam yang hak yang dilantik oleh Ketua Pengarah untuk bertindak bagi pihaknya di kementerian, jabatan atau badan berkanun sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual Kedua; atau

(c) yang dikeluarkan oleh kementerian, jabatan atau badan berkanun sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual Kedua,

dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam lesen eksport.

### **Bahagian I Jadual Ketiga**

#### **Larangan bersyarat kecuali mengikut cara yang diperuntukkan**

4. Pengeksportan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Bahagian I Jadual Ketiga dilarang kecuali mengikut cara yang diperuntukkan dalam ruang (5) Bahagian I Jadual Ketiga.

### **Bahagian II Jadual Ketiga**

#### **Larangan bersyarat kecuali mengikut cara yang diperuntukkan bagi barang-barang yang dikawal di bawah Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesis Terancam 2008 [Akta 686]**

5. (1) Pengeksportan dan eksport semula barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Bahagian II Jadual Ketiga dilarang kecuali mengikut cara yang diperuntukkan dalam ruang (5) Bahagian II Jadual Ketiga.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), "eksport semula" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesis Terancam 2008.

(3) Subperenggan (1) terpakai juga bagi barang-barang dalam transit.

### **Penjenisan**

6. Bab, kepala atau subkepala yang digunakan dalam Perintah Duti Kastam 2017 [P.U. (A) 5/2017] yang berkuat kuasa bagi suatu butiran dalam Jadual Kedua dan Jadual Ketiga adalah untuk kemudahan rujukan sahaja dan tidak mempunyai kesan mengikat bagi penjenisan barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (2) Jadual Kedua dan Jadual Ketiga itu.

## **Pengecualian**

7. Perenggan 3 dan 4 tidak terpakai bagi—

- (a) barang-barang yang dieksport oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia atau Kerajaan mana-mana Negeri kecuali barang-barang yang tersenarai dalam Bahagian I Jadual Ketiga dan Bahagian II Jadual Ketiga yang dikawal selia oleh—
  - (i) Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS);
  - (ii) Jabatan Pertanian di Semenanjung Malaysia; dan
  - (iii) pihak berkuasa yang berkenaan di Sabah dan Sarawak;
- (b) barang-barang yang dimuatkan sebagai barang-barang stor kapal atau pesawat udara sebagaimana yang diluluskan oleh pegawai kastam yang hak;
- (c) barang-barang kegunaan sendiri atau barang-barang keperluan seorang pengembara *bona fide*, kecuali bagi tumbuh-tumbuhan dan barang-barang yang dinyatakan dalam butiran 28, subbutiran 37(2) dan 37(3) Bahagian I Jadual Ketiga;
- (d) sampel dagangan *bona fide* apa-apa barang yang diterima sebagai *bona fide* oleh pegawai kastam yang hak kecuali bagi tumbuh-tumbuhan;
- (e) barang-barang dalam transit kecuali barang-barang yang dikawal selia oleh—
  - (i) Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS);

- (ii) Jabatan Pertanian di Semenanjung Malaysia;
  - (iii) Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
  - (iv) pihak berkuasa yang berkenaan di Sabah dan Sarawak;
- (f) barang-barang yang dieksport untuk diperbaiki, diselaraskan atau digantikan yang akan dikembalikan ke Malaysia;
- (g) hadiah dalam bentuk barang makanan yang dieksport melalui bungkusan pos, yang nilainya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap bungkusan, kecuali bagi *edible birds' nest* yang dinyatakan dalam butiran 7 Bahagian I Jadual Ketiga; dan
- (h) barang-barang yang dieksport untuk pameran atau ujian kecuali:
- (i) tumbuh-tumbuhan;
  - (ii) binatang dan produk dari binatang;
  - (iii) unggas dan produk dari unggas;
  - (iv) hidupan liar, produk, bahagian dan terbitan hidupan liar;
- (v) ikan hidup;